

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH BIN
RAJA AHMAD BAHARUDDIN SHAH
(KUALA TERENGGANU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 09.06.2015

**Y.B. RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH BIN RAJA AHMAD
BAHARUDDIN SHAH [KUALA TERENGGANU]** minta **MENTERI
KEWANGAN** menyatakan apakah badan syarikat pelaburan yang telah
ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia yang setanding dan menyerupai
dengan Norwegian Sovereign Fund bagi pelaburan masa depan dari hasil
minyak negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Government Pension Fund Global (GPF) yang sebelum ini dikenali sebagai Government Petroleum Fund dan Petroleum Fund of Norway merupakan salah satu *Sovereign Wealth Fund* (SWF) yang dimiliki oleh Kerajaan Norway. Dana GPF disumbangkan oleh hasil minyak negara Norway.

Kerajaan Malaysia tidak memiliki badan syarikat pelaburan yang setanding dengan GPF untuk menerima sumbangan terus daripada hasil minyak negara. Sebaliknya, Kerajaan Malaysia telah menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) pada 18 Februari 1988 di bawah Akta Kumpulan Wang Amanah Negara 1988 untuk memastikan penggunaan optimum hasil sumber-sumber asli negara yang semakin merosot agar dapat memberi sumber pendapatan yang berterusan dan stabil demi faedah negara dan generasi akan datang. Sejak ditubuhkan sehingga kini, Petrolia Nasional Berhad (PETRONAS) merupakan penyumbang tunggal kepada dana KWAN. KWAN ditadbir oleh pihak Bank Negara Malaysia bagi memastikan pelaburan yang selamat.

Selain itu, Kerajaan Malaysia juga telah menubuhkan Khazanah Malaysia Berhad (KHAZANAH) pada 3 September 1993. Buat masa ini, KHAZANAH menjadi satu-satunya syarikat dari Malaysia yang merupakan

ahli Institute of Sovereign Wealth Fund (ISWF). Namun, sumbangan dana KHAZANAH sebagai SWF bukan daripada sumber hasil minyak negara tetapi diklasifikasikan sebagai sumber bukan komoditi manakala sumbangan GPFG daripada hasil minyak negara.